

Zainani dilantik Akauntan Negara yang baharu

Oleh **Wartawan MalaysiaGazette** - 2 September 2025



Zainani Jusoh

KUALA LUMPUR – Zainani Jusoh telah dilantik sebagai Akauntan Negara Malaysia (ANM) berkuat kuasa 3 September 2025.

Surat pelantikan beliau telah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) YBhg. Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar di Putrajaya pada 27 Ogos lalu.

Pelantikan ini bagi menggantikan ANM sebelum ini yang telah bersara wajib pada 2 September 2025.

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) berkata, Zainani sebelum ini menjawat jawatan Timbalan Akauntan Negara (Korporat), merupakan anak kelahiran Tanah Merah, Kelantan.

Beliau adalah seorang Akauntan Bertauliah dan merupakan ahli *Malaysian Institute of Accountants* (MIA) dan ahli *The Malaysian Institute of Certified Public Accountants* (MICPA).

Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Putra Malaysia, Zainani berpengalaman sebagai penjawat awam lebih dari 30 tahun apabila mula menyertai sektor awam pada tahun 1994 sebagai Akauntan di Pasukan Petugas Sistem Perakaunan Mikro, JANM.

Sepanjang perkhidmatannya, beliau telah berkhidmat di pelbagai jabatan dan kementerian antaranya Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Kerja Raya

(KKR), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Luar Negeri (KLN) serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Berpengalaman luas dalam pengurusan perakaunan dan kewangan sektor awam serta pembangunan sistem perakaunan Kerajaan.

Antara sumbangan besar beliau dalam pembangunan sistem perakaunan kerajaan adalah terlibat dalam menukar landskap pengurusan perakaunan di kedutaan Malaysia luar negara dari manual kepada pendigitalan.

Perubahan yang besar ini membantu pengurusan kewangan di semua kedutaan Malaysia dapat diuruskan dengan lebih cekap, tepat dan cepat.

Sebelum dilantik sebagai Timbalan Akauntan Negara (Korporat) pada September 2023, beliau telah berkhidmat sebagai Pengarah Bahagian Khidmat Perunding JANM dan Pengarah Bahagian Akaun Kementerian Kewangan pada tahun 2019 sehingga tahun 2023. – MalaysiaGazette

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL

Facebook : [Malaysia Gazette](#)

X : [@malaysiagazette](#)

Instagram : [@malaysiagazette](#)

Youtube MG : [MalaysiaGazette TV](#)

Youtube MGFlash : [MG Flash](#)

TikTok : [Malaysia Gazette](#)

Threads : [Malaysia Gazette](#)

Whatsapp Channel : [Malaysia Gazette](#)

Telegram : [Malaysia Gazette](#)

Spotify : [MG Podcast](#)
